

Mampu jana RM3,000 sebulan

Kota Tinggi: Penoreh getah kontrak boleh memperolehi upah minimum RMI,000 sebulan dan jika mereka gigih bekerja serta ditambah dengan keadaan cuaca baik dan harga getah tinggi, penoreh mampu menjana pendapatan lebih RM3,000 sebulan.

Sehubungan itu, Lembaga Getah Malaysia (LGM) Stesen Penyelidikan RRM Kota Tinggi menawarkan jawatan penoreh getah kontrak kepada warga tempatan yang berkemahiran untuk mengisi 30 kekosongan.

Penyeliannya Kamarulzaman Ali berkata, mengikut syarat yang diiklankan baru-baru ini, pemohon terdiri daripada warganegara Malaysia, berkemahiran tinggi (menoreh), berkelulusan sekurang-kurangnya Penilaian Menengah Rendah (PMR), sihat tubuh badan serta menghantar permohonan sebelum atau pada 15 Januari 2017.

Menurutnya, Stesen LGM Kota Tinggi mempunyai kawasan keseluruhan seluas 1,500 hektar yang memberi pekerjaan kepada 120 penoreh.

Kata Kamarulzaman, Stesen LGM Kota Tinggi ter-

Jalan Lombong.

"Mengikut spesifikasi jenis tanaman, setiap hektar ditanam 450 hingga 500 pokok getah yang dipanggil plot. Setiap pekerja dibahagikan tugas menoreh tiga plot dengan kadar satu plot sehari secara bergilir.

"Tugas seorang penoreh bermula jam 6 pagi dengan berkumpul untuk taklimat arahan pembahagian tugas dan plot kawasan kerja.

"Kebiasaannya mereka bermula menoreh sebelum jam 6.30 pagi dan akan siap menjelang jam 10 pagi dan diberikan waktu rehat sejam," katanya.

Kata Kamarulaman, kerja kutipan susu getah cair atau getah skrap bermula selepas rehat dan komoditi itu diangkut ke stesen penimbang menggunakan kenderaan ladang.

Katanya, proses catatan timbangan hasil torehan individu itu dikira secara harian dan dikumpulkan jumlahnya untuk dibayar upah bulanan pada masa tertentu selewat-lewatnya sebelum hujung minggu pertama bulan berikutnya apabila hasil torehan itu selesai dijual oleh pengurusan LGM.



RUSTAM (kiri) dan pembantunya memasukkan getah beku ke dalam bakul untuk dinaikkan ke atas lori di Kampung Ramuan China Kecil, Masjid Tanah.

Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Sinar baru pasaran getah

Harian metro
28/12/2016
m/s-27

■ Harga komoditi cecah RM4.50 sekilogram

Alor Gajah

Peningkatan harga getah beku sejak awal bulan ini melegakan ejen pembeli getah yang berdaftar dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) sekali gus mengelakkan mereka

ejen pembeli getah yang berdaftar dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) sekali gus mengelakkan mereka daripada gulung tikar.

Sebelum ini ada dalam kalangan ejen bimbang akan gulung tikar kerana perlu menghentikan operasi berikutan kesukaran mendapat bekalan komoditi itu dalam jumlah mencukupi bagi dijual kepada pengilang.

Keadaan itu berlaku akibat ramai penoreh 'menggantung' pisau toreh buat seketika kerana harga getah yang murah dan dianggap tidak berbaloi dengan usaha mereka.

Ejen getah beku di Kampung Ramuan China Kecil, Masjid Tanah, di sini, Rustam Ma'ali, 31, berkata, peningkatan harga getah membolehkan dia mengumpul se-

■ Harga komoditi cecah RM4.50 sekilogram

hingga dua tan komoditi itu sehari sejak awal bulan ini.

"Semasa harga merudum, saya hanya mendapat satu tan getah sehari kerana ramai yang enggan menoreh berikutan harga komoditi itu hanya RM1.80 sekilogram (kg).

"Bagaimanapun, apabila harga getah naik daripada RM3 ke- pada RM3.50 dan RM3.80 sebelum mencecah RM4.50 pada 14 Disember lalu, semakin ramai kembali menoreh," katanya, ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, harga getah beku merudum sejak 2012, selepas ia mencapai rekod tertinggi RM7 satu kg pada November 2010 hingga hujung 2011.

"Pengeluaran getah beku merudum sejak 2012 akibat penurunan harga daripada RM7 satu kg kepada RM4 satu kg hingga menurun kepada tahap paling rendah antara RM1.80 hingga RM2 satu kg pada Julai lalu.

"Apabila harga semakin jatuh, pekebun kecil tidak

mahu menoreh dan terpaksa mencari duit dengan melakukan kerja lain," katanya.

Rustam memulakan perniagaan itu pada 2003 selepas memperoleh lesen membeli getah daripada LGM dan kawasan pembelian turut membabitkan Kampung Ramuan China Besar, Limau Nipis dan Sungai Jerneh.

LGM turut memberikan tanggungjawab kepada Rustam untuk menyediakan rekod penjualan getah oleh pekebun kecil secara bulanan bagi membolehkan insentif dibayar kepada pekebun kecil.



pekerjaan kepada 120 penoreh.

Kata Kamarulzaman, Stesen LGM Kota Tinggi terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Ladang Penawar di Jalan Tanjung Balau, Ladang Permatang di Jalan Mawai dan Ladang Pelepah di

pertama bulan berikutnya apabila hasil torehan itu selesai dijual oleh pengurusan LGM.

Sehubungan itu, sesiapa yang berminat boleh mendapatkan keterangan lanjut dengan menghubungi 014-6141450 (Kanapati) dan 013-2606141 (Azmie).

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Stesen Penyelidikan RRM Kota Tinggi

JAWATAN KOSONG

NAMA TAWARAN:
PENOREH MAHIR (KONTRAK RRIMINIS)

UPAH MINIMUM > RM1,000.00 (ADA PERLINDUNGAN INSURAN)

SYARAT-SYARAT : WARGANEGARA MALAYSIA
BERKEMAHIRAN TINGGI (MENOREH)
SIHAT TUBUH BADAN

TARIKH TUTUP
15HB JANUARI 2017

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:
014-6141450 En Kanapati / 013-2606141 En Azmie

IKLAN LGM memerlukan penoreh mahir warga tempatan secara kontrak.